

Warga UIAM bangun MyTrace jejak kontak Covid-19

Bagi membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjejak kontak rapat sekiranya terdapat kes positif yang menjangkiti rakyat Malaysia, sekumpulan tenaga pakar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) terdiri dari pensyarah Kulliyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (KICT) dan Jurutera Perisian dari IIUM Advance Technology (IAT) menggembleng tenaga membangunkan aplikasi MyTrace.

Kumpulan pakar

terbabit yang ketua Ketua Pegawai Teknologi Maklumat(CIO) UIAM, Profesor Datuk Dr Norbik Bashah Idris bersama lima pensyarah dan jurutera perisian IAT & Google (Malaysia) berusaha selama sebulan membangunkan aplikasi terbabit.

Dr Norbik berkata, aplikasi ini penting untuk membantu pihak KKM mencari atau membuat jejak pengesanan sekiranya seseorang itu positif Covid-19 dan ia akan mempercepatkan usaha

membendung penularan pandemik itu.

“Pangkalan data yang ada membolehkan pegawai KKM menghubungi pengguna dan data yang dikumpul ialah Unique User ID (UUID) versi pengoperasian sama ada Android atau iOS, waktu pertemuan dan nilai isyarat Received Signal Strength Indicator (RSSI).

“Apa yang penting, MyTrace ini tidak mengumpul sebarang data berkaitan geolokasi pengguna kerana maklumat demikian

dianggap sensitif,” katanya.

MyTrace dimiliki dan dikendali sepenuhnya Kerajaan Malaysia. Kerajaan menjamin bahawa sebarang maklumat yang dikumpul dan digunakan akan mematuhi standard keselamatan maklumat negara ini.

Menerusi penggunaan aplikasi pengguna hanya perlu mengaktifkan tetapan Bluetooth setiap masa supaya pengesanan dapat dilakukan.

Aplikasi MyTrace mempunyai ciri-ciri

Bluetooth Kuasa Rendah (Bluetooth Low Energy (BLE) yang menggunakan tenaga bateri secara minima.

Justeru, aplikasi ini tidak akan menggunakan tenaga bateri telefon bimbit pengguna secara berlebihan untuk tujuan mengumpul informasi pengesanan kontak yang berterusan.

Pada masa sama, ia boleh dimuat turun melalui pautan di dalam aplikasi MySejahtera ataupun melalui Google Play Store dan Apple App Store.

MyTrace dibangunkan

untuk menjadi pelengkap kepada MySejahtera, pengguna disarankan memuat turun aplikasi MySejahtera terlebih dahulu sebelum memuat turun aplikasi MyTrace untuk proses pengesanan kontak yang lebih berkesan.

Pengguna boleh memuat turun aplikasi itu di peranti masing-masing melalui sistem pengoperasian Google Play (Android) dan IOS untuk pengguna produk Apple. Pastikan tetapan Bluetooth sentiasa diaktifkan.